

## Kualiti Hidup dan Harapan Masa Depan Ibu Tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia

WAN IBRAHIM WAN AHMAD

ZAINAB ISMAIL

### ABSTRAK

*Penulisan ini bertujuan menganalisis tahap kualiti hidup ibu tunggal Melayu Muslim di Pantai Timur Malaysia. Dengan menggunakan teknik persampelan convenience, sejumlah 500 orang ibu tunggal Melayu Muslim di Kelantan, Terengganu dan Pahang telah dipilih. Kajian ini menggunakan kedua-dua teknik iaitu teknik kuantitatif dan kualitatif untuk pengumpulan data. Data untuk analisis kuantitatif diambil daripada temu bual bersemuka. Analisis menunjukkan purata umur ibu tunggal ialah 44.5 tahun. Kebanyakan mereka menjadi ibu tunggal adalah disebabkan oleh kematian pasangan dan hanya berpendidikan setakat sekolah rendah. Secara keseluruhan kebanyakan ibu tunggal ini mempunyai tahap kualiti hidup yang boleh dikatakan tinggi. Oleh yang demikian kajian ini berkesimpulan walaupun ibu tunggal ini menghadapi pelbagai masalah harian, tetapi masalah-masalah ini tidak berpengaruh ke atas kualiti hidup mereka.*

*Kata kunci:* ibu tunggal Melayu Muslim, profil ibu tunggal Melayu Muslim, kualiti hidup

### The Life Quality and the Future Hope of the Single Malay Muslim Mothers in the East Coast of Malaysia

### ABSTRACT

*This study seeks to analyze the quality of life of single Malay Muslim mothers in East Coast Malaysia. Using a convenience sampling technique, a total of 500 single Malay Muslim mothers residing in Kelantan, Terengganu and Pahang were selected. The study employs both quantitative and qualitative methods to collect data. Major data for the quantitative analysis are derived from face-to-face interviews. Data of this study demonstrate that the average age of the respondents is 44.5 years old. Most of them become single mothers because of the death of their spouses, and only completed their education at primary school level. On a whole the study reveals that the level of quality of life of most of the single mothers is quite high. The study concludes that*

*although these single mothers are facing various problems in daily life, but these problems do not affect their quality of life.*

*Keywords: single Malay Muslim mothers, single Malay Muslim mothers' profiles, life quality*

## PENDAHULUAN

Ibu tunggal adalah satu kategori penduduk yang semakin hari semakin bertambah jumlahnya dalam masyarakat. Ibu tunggal merupakan seorang wanita yang pernah berkahwin dan mempunyai anak, kemudian menjadi janda akibat diceraikan oleh suami atau menjadi balu akibat suami meninggal dunia. Ibu tunggal ini terpaksa menanggung tugas dan tanggungjawab keibubapaan tanpa bantuan daripada seorang suami. Oleh kerana itu, masyarakat beranggapan ibu tunggal adalah individu yang perlu diberi bantuan khususnya dari segi material dan kewangan bagi menjamin kualiti hidup dan harapan masa depan mereka. Fenomena ibu tunggal pada hari ini bukan lagi fenomena yang bersifat individu tetapi sudah menjadi masalah sosial yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk membendungnya. Keluarga yang diketuai ibu tunggal dianggap sebagai keluarga yang tidak sempurna kerana keluarga tersebut diketuai oleh hanya seorang ketua berbanding dengan dua ketua, iaitu ibu dan bapa bagi keluarga yang normal. Oleh kerana keluarga ibu tunggal diketuai oleh seorang ibu, maka keluarga ibu tunggal ini dikatakan menghadapi banyak masalah, terutama berkaitan emosi ibu itu sendiri, masalah penjagaan dan pensosialisasi anak-anak serta masalah berkaitan masyarakat sekitar. Persoalan ibu tunggal amat berkaitan dengan komponen kekeluargaan, perkahwinan dan perceraian. Ketiga-tiga komponen ini iaitu kekeluargaan, perkahwinan dan perceraian adalah berkaitan di antara satu sama lain. Dalam masyarakat yang masih berpegang kepada agama, sebuah keluarga boleh terbentuk dengan adanya perkahwinan. Namun, tidak semua perkahwinan akan kekal. Terdapat perkahwinan yang berakhir dengan perceraian. Perceraian adalah satu komponen dalam kehidupan berkeluarga yang akan melahirkan ibu tunggal.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hakikat kualiti hidup dan harapan masa depan ibu tunggal di Malaysia. Kualiti hidup dan harapan masa depan ibu tunggal adalah dua isu yang tidak mudah untuk dijawab. Terdapat beberapa persoalan yang

perlu dikaji bagi menjawab kedua-dua isu ini. Antaranya ialah bagaimanakah keadaan ibu tunggal dari segi status sosio-ekonomi?, apakah gerak kuasa yang menimbulkan fenomena keluarga ibu tunggal dalam masyarakat?, apakah ibu tunggal terlibat dalam pekerjaan di luar rumah seperti wanita lain?, apakah masalah asas yang dihadapi oleh ibu tunggal? dan bagaimanakah keadaan kualiti hidup ibu tunggal berbanding dengan kategori penduduk lain? Sehubungan itu, makalah ini berusaha untuk meneliti persoalan ini dalam konteks masyarakat desa di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Tulisan mengenai ibu tunggal adalah penting khususnya dari sudut literatur (ilmu). Kajian ini diharapkan dapat menambahkan maklumat berkaitan dengan ibu tunggal yang masih kurang dalam literatur. Pengembangan ilmu dalam sesuatu bidang hanya dapat dilakukan apabila literatur dalam bidang tersebut sentiasa bertambah dan sentiasa dikemaskini. Penambahan literatur ini pula hanya dapat dilakukan dan dimodifikasi melalui penyelidikan yang telah dibuat. Tulisan ini adalah satu penemuan baru mengenai kualiti hidup dan harapan masa depan ibu tunggal di Pantai Timur yang diharapkan dapat menambahkan lagi literatur mengenai ibu tunggal di Malaysia.

Dari sudut polisi, kajian ini diharapkan dapat membantu kerajaan dalam merangka polisi atau pelan tindakan yang bersesuaian untuk kepentingan golongan ibu tunggal di Malaysia. Melalui kajian ini, maklumat sebenar berkaitan dengan masalah, keperluan dan tahap kualiti hidup ibu tunggal di Pantai Timur dapat dikumpul. Maklumat ini amat berguna kepada kerajaan jika kerajaan ingin merangka polisi atau pelan tindakan yang sesuai untuk sesuatu kategori penduduk. Tanpa adanya maklumat yang tepat berasaskan penyelidikan tertentu, maka polisi yang digubal adalah kurang berguna untuk membantu sesuatu kategori penduduk.

#### PANTAI TIMUR: MAKMAL KAJIAN IBU TUNGGAL

Perceraian kini bukan lagi dianggap sebagai masalah bersifat individu, tetapi boleh dianggap sebagai masalah sosial yang semakin sukar dibendung. Kelantan dan Terengganu adalah dua buah negeri di Pantai Timur yang boleh dikatakan termasuk dalam kategori negeri yang mempunyai kadar perceraian yang tinggi di Malaysia. Sebuah lagi negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, walaupun

mempunyai kadar perceraian yang lebih rendah, tetapi sering juga dirujuk sebagai negeri yang mempunyai banyak masalah berkaitan dengan perceraian. Berikutan dengan tingginya kadar perceraian di Kelantan, Terengganu dan Pahang berbanding dengan negeri lain di Malaysia, ketiga-tiga negeri ini boleh dianggap sebagai negeri yang akan mempunyai ramai ibu tunggal dan sesuai dijadikan makmal bagi mengkaji masalah ibu tunggal di Malaysia.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Bahagian Informasi Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat 850,654 pasangan berkahwin di seluruh Malaysia dalam tempoh antara tahun 1980-1990. Daripada jumlah tersebut, seramai 167,012 pasangan telah bercerai dan ia melibatkan 19.63 peratus. Terengganu adalah di antara negeri yang mempunyai peratusan perceraian yang tinggi di Malaysia, selain Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (Fail rekod JAKIM 1998 dalam Zainab Ismail 2001). Jika perceraian ini dianalisis mengikut negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah negeri yang paling tinggi peratusan perceraianya di Malaysia dalam tempoh tersebut (32.4%), kemudian diikuti oleh Terengganu (27.4%), Perlis (22.9%) dan Kedah (21.3%). Peratus perceraian di negeri lain adalah di bawah 20.0 peratus. Walaupun peratusan pasangan yang bercerai di negeri lain di bawah 20 peratus, namun jumlah yang di bawah 20 peratus itu adalah masih tinggi, malah peratusan tersebut terus meningkat.

Di Pantai Timur juga, khususnya bagi masyarakat Melayu Muslim di Kelantan dan Terengganu, masalah perceraian bukan menjadi satu masalah yang besar kepada pasangan yang berkahwin, malah mereka merasa bangga dengan jumlah perkahwinan dan perceraian yang mereka lalui. Terdapat sebahagian daripada mereka yang berkahwin hanya sekadar untuk menambahkan jumlah rekod yang ada. Bagi golongan ini, perkahwinan bukan untuk mencari kebahagiaan hidup berkeluarga, tetapi sekadar untuk “suka-suka”. Setelah menjadi suami isteri untuk tempoh empat atau lima bulan, mereka boleh berpisah dengan rela hati. Wanita di negeri ini tidak merasa malu atau takut menjadi ibu tunggal kerana menjadi janda tidak lagi menjadi stigma dalam masyarakat ini. Hal ini barangkali amat berkaitan dengan kebebasan kewangan yang banyak dimiliki oleh wanita di negeri-negeri ini. Berbeza dengan wanita di negeri-negeri lain, wanita di Kelantan dan Terengganu pada umumnya dianggap sebagai sumber kewangan keluarga. Wanita di negeri-negeri ini merupakan

golongan yang banyak memainkan peranan sebagai ketua dalam keluarga dengan membayai kewangan isi rumah. Oleh kerana itu, apabila berlaku perceraian, mereka tidak merasa takut kerana mereka mampu menjana kewangan untuk keperluan keluarga.

Perceraian dan fenomena ibu tunggal kini bukan lagi boleh dianggap sebagai masalah bersifat individu semata-mata, tetapi boleh dianggap sebagai satu masalah sosial yang semakin sukar dibendung. Persoalan berkaitan perkahwinan dan perceraian telah berjaya menarik minat para pengkaji, terutama para sarjana antropologi bagi masyarakat pramoden dan sarjana sosiologi bagi masyarakat moden. Para sarjana kedua-dua bidang ini pada umumnya menumpukan kajian mereka kepada analisis mengenai perkaitan di antara pelbagai faktor sosial, budaya, ekonomi, sistem kepercayaan dan agama dengan pola perkahwinan dan perceraian. Apapun hasil kajian yang telah diketengahkan, namun perceraian terus berlaku dan akibatnya semakin banyak keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal wujud dalam masyarakat dan sukar untuk dibendung.

Di Malaysia, seperti juga di tempat-tempat lain di dunia, masalah ibu tunggal adalah lebih ketara di bandar-bandar akibat proses modenisasi, industrialisasi dan urbanisasi yang lebih pesat di kawasan itu. Proses modenisasi, industrialisasi dan urbanisasi ini boleh mempengaruhi pelbagai pembolehubah keluarga (*family variables*) yang akhirnya berpengaruh pula ke atas sikap dan nilai seseorang terhadap kestabilan perkahwinan. Akibat perubahan sosio-ekonomi yang pesat, keluarga telah kehilangan fungsi dan semakin banyak rumah tangga yang dibina berakhir dengan perceraian. Ahli struktural fungsional (*structural functional*) seperti Parson, Bales atau Smelser, percaya pemindahan sebahagian fungsi keluarga kepada institusi lain seperti kilang dan industri telah melemahkan institusi keluarga dan berubahnya bentuk keluarga daripada ekstended (*extended*) kepada nuklear (*nuclear*) (Ruggles & Goeken 1992: 16). Sehubungan itu, ibu tunggal dijangka mempunyai masalah yang semakin rumit yang memerlukan sokongan pelbagai pihak. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada perspektif *structural functional*, jika masyarakat mahukan ibu tunggal berada dalam kehidupan yang harmoni, maka semua pihak atau bahagian dalam masyarakat perlulah saling bantu membantu memberikan sokongan dan kerjasama agar kategori penduduk ini mempunyai keyakinan dan kemampuan untuk memecah dan mengatasi permasalahan harian mereka.

## MODENISASI DAN KESTABILAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

Modenisasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pembangunan sosioekonomi. Pembangunan sosioekonomi merupakan agenda utama dalam arus modenisasi. Kesan daripada modenisasi, pelbagai kemajuan yang positif telah dapat dirasai oleh penduduk di negara maju dan negara membangun, termasuk Malaysia. Sejak Malaysia (Tanah Melayu) mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai agenda sosioekonomi telah dirancang dan dilaksanakan oleh pemerintah. Antaranya Malaysia melancarkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971, melancarkan Wawasan 2020 pada tahun 1985 dan melancarkan Ekonomi Model Baru pada tahun 2010. Kesemua agenda sosioekonomi ini merupakan strategi tindakan yang dilancarkan oleh Malaysia dengan matlamat untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Terdapat banyak indikator yang menunjukkan Malaysia sedang mengalami pembangunan pesat dan taraf hidup penduduknya telah meningkat. Antaranya ialah peningkatan kadar celik huruf, kurangnya kadar kematian bayi, pertambahan bilangan doktor per 1000 penduduk dan peningkatan pendapatan per kapita penduduk. Situasi ini menunjukkan Malaysia kini sudah jauh lebih maju daripada sesetengah negara sedang membangun yang lain (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2006).

Apabila modenisasi berkembang, setiap negara bukan sahaja menerima kesan yang positif, sebaliknya dalam masa yang sama turut menerima kesan yang negatif. Ringkasnya, pembangunan sosioekonomi turut mewujudkan kesan negatif yang tidak dikehendaki. Kesan negatif yang tidak diundang ini datang seiring dengan proses pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan. Salah satu kesan negatif tersebut ialah dapat diperhatikan dalam konteks kestabilan perkahwinan atau kestabilan rumah tangga. Zainab Ismail (2001) yang menganalisis proses kaunseling Islam dalam kalangan pasangan bermasalah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, mengakui akibat perubahan sosioekonomi yang pesat, semakin banyak rumah tangga yang dibina berakhir dengan perceraian. Beliau turut menyatakan bahawa masalah perceraian dan konflik rumah tangga kini sudah menjadi masalah negara serta memerlukan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak untuk menanganinya.

Ahli sosiologi keluarga seperti Yaacob Harun (1992) umpamanya berpendapat ketidakstabilan perkahwinan dalam konteks pemodenan ialah disebabkan berlakunya perubahan fungsi keluarga. Banyak fungsi yang sepatutnya dipikul oleh keluarga, khususnya keluarga tradisional seperti fungsi ekonomi, fungsi pendidikan, fungsi keagamaan dan fungsi perlindungan telah diambil alih oleh institusi lain dalam masyarakat. Implikasinya kekuatan keluarga hari ini menjadi semakin lemah. Apabila ahli keluarga gagal atau tidak dapat memainkan fungsi masing-masing, konflik rumah tangga boleh berlaku. Keadaan ini adalah selaras dengan hasil penemuan Dominian (1981) dalam kajiannya berkaitan dengan *Marriage, Faith and Love* yang menyatakan terdapat hubungan yang rapat di antara kadar perceraian dengan pemodenan.

#### KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI

Tulisan ini adalah suatu hasil kajian berkaitan dengan ibu tunggal di Pantai Timur yang dilakukan berasaskan geran penyelidikan KUSTEM Vot 54005 (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2003). Matlamat utama tulisan ini ialah untuk menganalisis permasalahan yang dihadapi oleh ibu tunggal serta mengkaji strategi adaptasi yang diambil oleh mereka di negeri-negeri di Pantai Timur, khususnya Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pantai Timur dipilih sebagai fokus tulisan ini adalah berasaskan kepada sebab-sebab berikut: Pertama, negeri-negeri di Pantai Timur adalah unik. Ini kerana ketiga-tiga negeri ini dianggap negeri yang sebahagian besar penduduknya tinggal di luar bandar. Kedua, ketiga-tiga negeri di Pantai Timur ini juga adalah negeri yang terletak di kawasan pesisir pantai. Komuniti ini mempunyai cara hidup yang tersendiri yang agak berbeza dengan cara hidup komuniti lain di Malaysia dan ketiga walaupun ketiga-tiga negeri ini bukan merupakan negeri yang mempunyai jumlah dan peratusan ibu tunggal yang tertinggi berbanding negeri lain, tetapi jumlah dan peratusan tersebut semakin meningkat.

Terengganu adalah sebuah negeri di Pantai Timur yang termasuk dalam kategori negeri yang mempunyai kadar perceraian yang agak tinggi di Malaysia. Dua negeri lain di Pantai Timur, iaitu Kelantan dan Pahang, walaupun mempunyai kadar perceraian di bawah 20 peratus dalam tempoh tersebut, tetapi sering dirujuk sebagai negeri yang mempunyai banyak masalah berkaitan perceraian ini. Sebagai akibatnya dijangkakan Pantai Timur

mempunyai ramai ibu yang tergolong dalam kategori ibu tunggal yang bermasalah.

Ibu tunggal yang dianalisis dalam tulisan ini berjumlah 500 orang, dipilih secara *convenience*. Daripada sejumlah 500 ibu tunggal ini, 427 orang berasal dari Terengganu, 42 dari Pahang dan 31 dari Kelantan. Dalam konteks status penduduk, 473 merupakan penduduk tempatan. Bakinya adalah migran. Mereka ini berpindah kerana pelbagai sebab, ada yang mengikuti suami, mengikuti keluarga dan mendapat pekerjaan yang lebih baik. Oleh kerana mereka berasal dari tempat yang sama, mereka mempunyai cara hidup dan budaya yang hampir sama. Hampir keseluruhan mereka adalah berasal dari luar bandar.

### PROFIL IBU TUNGGAL DI PANTAI TIMUR

Terdapat 11 aspek yang dikaji bagi menggambarkan profil ibu tunggal di Pantai Timur. Kesebelas aspek tersebut ialah umur, tempoh perkahwinan sebelum menjadi ibu tunggal, umur pada perkahwinan pertama, jumlah anak yang dimiliki, jumlah anak ideal, jumlah anak ramai, tahap pendidikan, bidang pekerjaan, pendapatan bulanan, tempoh menjadi ibu tunggal dan sebab menjadi ibu tunggal (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2006).

#### UMUR

Analisis ke atas umur responden, kajian ini mendapati hanya 481 orang ibu tunggal sahaja yang bersedia memberi respons mengenai umur. Selebihnya iaitu seramai 19 orang ibu tunggal didapati tidak bersedia untuk memberi respons mengenai umur (Jadual 1).

Jadual 1: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Umur

Umur (Tahun)	Jumlah	Peratus
34 dan kurang	39	8.1
35 – 44	177	36.8
45 – 54	210	43.7
55 dan lebih	55	11.4
Jumlah	481	100.0

Daripada 481 orang ibu tunggal, umur ibu tunggal yang paling muda ialah 26 tahun, manakala umur ibu tunggal yang paling tua

ialah 70 tahun. Min umur ibu tunggal ialah 44.5 tahun, sementara umur mod dan umur penengah (umur median) pula ialah 45 tahun. Berdasarkan umur mod, dapat dikatakan bahawa ibu tunggal yang paling kerap ditemui dalam kajian ini ialah mereka yang berumur 45 tahun. Manakala umur median 45 tahun itu pula menunjukkan daripada 481 orang ibu tunggal yang memberi respons mengenai umur mereka, separuh daripadanya adalah berumur kurang daripada 45 tahun dan separuhnya lagi adalah berumur 45 tahun ke atas. Apabila umur mentah ini dikategorikan semula, kajian ini mendapati ibu tunggal yang berumur di antara 45-54 tahun adalah kategori umur yang paling ramai iaitu mencapai 43.7 peratus daripada keseluruhan responden yang memberi respons mengenai umur mereka. Kategori umur lain yang juga tinggi ialah ibu tunggal yang berumur di antara 35-44 tahun, berjumlah 36.8 peratus. Jumlah ibu tunggal dalam kategori umur lain adalah tidak ramai.

#### TEMPOH PERKAHWINAN SEBELUM MENJADI IBU TUNGGAL

Tempoh perkahwinan adalah satu lagi aspek yang dianalisis dalam tulisan ini. Hasil kajian ke atas tempoh perkahwinan dapat menunjukkan tempoh umur yang manakah yang pada umumnya mempunyai risiko yang tinggi, mudah berlaku konflik dan perceraian yang seterusnya mewujudkan ibu tunggal dalam masyarakat. Tempoh perkahwinan sebelum menjadi ibu tunggal adalah berbeza. Ada tempoh perkahwinan yang tidak sampai setahun dan ada tempoh perkahwinan yang mencapai hingga 40 tahun. Bagaimanapun jumlah kedua-dua tempoh perkahwinan ini adalah tidak besar, iaitu hanya seorang responden yang telah menjadi ibu tunggal dengan tempoh perkahwinannya tidak sampai setahun dan hanya tiga orang responden yang telah menjadi ibu tunggal dengan tempoh perkahwinannya selama 40 tahun.

Min keseluruhan tempoh perkahwinan sebelum menjadi ibu tunggal ialah 17.7 tahun. Manakala tempoh perkahwinan dari segi mod dan median adalah sama iaitu 17 tahun. Melalui min, mod dan median ini didapati tempoh perkahwinan bagi sebahagian besar responden ialah 17 tahun. Ini bererti separuh daripada responden menjadi ibu tunggal setelah berkahwin melebihi 17 tahun dan separuh responden lagi menjadi ibu tunggal setelah berkahwin kurang daripada 17 tahun. Apabila tempoh perkahwinan mentah ini dikategorikan semula didapati 60 peratus daripada responden telah menjadi ibu tunggal setelah berumrah tangga dalam jangka

masa tidak sampai setahun hingga menjangkau 19 tahun. Hampir separuh responden telah menjadi ibu tunggal setelah berumah tangga di antara 10 – 19 tahun. Tempoh lain yang agak besar juga ialah 20 – 29 tahun, di mana ia melibatkan sejumlah 124 orang ibu tunggal. Responden yang telah menjadi ibu tunggal setelah berumah tangga untuk tempoh yang kurang daripada 10 tahun serta melebihi 30 tahun adalah tidak ramai iaitu melibatkan 18.4 peratus dan 10.6 peratus (Jadual 2).

Jadual 2: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Tempoh Perkahwinan Sebelum Menjadi Ibu Tunggal

Tempoh (Tahun)	Jumlah	Peratus
9 dan kurang	78	18.4
10 – 19	176	41.6
20 – 29	124	29.3
30 dan lebih	45	10.6
Jumlah	423	100.0

Berdasarkan dapatan kajian ini, fenomena ibu tunggal boleh berlaku pada semua peringkat tempoh perkahwinan, sama ada baru atau sudah lama berumah tangga. Fenomena ibu tunggal juga boleh terjadi pada semua peringkat umur ibu tunggal sama ada muda atau sudah berumur. Dapatan ini adalah hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Zawanah Muhammad (1998) yang mengkaji perkhidmatan kaunseling perkahwinan di Jabatan-jabatan Agama Islam. Menurut beliau walaupun konflik rumah tangga banyak terjadi dalam kalangan pasangan suami isteri yang berumur antara 26 – 35 tahun, tetapi konflik ini boleh juga berlaku kepada pasangan suami isteri di semua peringkat umur, tua ataupun muda. Apabila ditanya mengenai sebab mengapa mereka menjadi ibu tunggal, sebahagian besar daripada mereka menyatakan mereka menjadi ibu tunggal adalah disebabkan oleh kematian pasangan (74.2%). Terdapat juga antara mereka yang menyatakan mereka menjadi ibu tunggal disebabkan oleh perceraian dan ditinggalkan suami.

#### UMUR PADA PERKAHWINAN PERTAMA

Umur pada perkahwinan pertama yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah umur seseorang pengantin, sama ada lelaki atau perempuan

yang belum pernah berkahwin, memulakan perkahwinan pada pertama kali dalam hidupnya. Pada hari ini umur pada perkahwinan pertama bagi penduduk di Malaysia, sama ada lelaki atau wanita didapati telah meningkat (Palmore & Marzuki 1969; Asmah Ahmad 1979; Nor Laily Abu Bakar *et al.* 1980; Wan Ibrahim Wan Ahmad 1990). Umur pada perkahwinan pertama sehingga kini telah menjadi aspek yang menarik minat ramai pengkaji kerana perkaitannya dengan pelbagai aspek demografi dan kekeluargaan. Saiz keluarga, kadar fertiliti, kadar pertumbuhan penduduk dan malah kestabilan rumah tangga dikatakan banyak ditentukan oleh umur pada perkahwinan pertama ini (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2006).

Kajian ini menunjukkan umur pada perkahwinan pertama ibu tunggal seawal-awalnya ialah pada umur 13 tahun dan selewat-lewatnya ialah pada umur 47 tahun, dengan umur pada perkahwinan pertama yang paling kerap ialah 18 tahun. Ini bererti sudah ada di antara responden yang telah pun memulakan perkahwinan pada umur 13 tahun. Responden ini ialah mereka yang termasuk dalam kategori generasi tahun 1940-an atau 1950-an, iaitu mereka yang sekarang ini mula memasuki umur tua. Min umur pada perkahwinan pertama bagi keseluruhan responden ialah 20 tahun, iaitu umur perkahwinan yang masih dianggap rendah dari segi segi demografi.

Umur penengah pada perkahwinan pertama responden juga dianggap rendah iaitu 20 tahun. Ini bererti separuh daripada responden memulakan perkahwinan pada umur sebelum 20 tahun dan separuhnya lagi memulakan perkahwinan pada umur melebihi 20 tahun. Kajian ini mendapati tidak ramai ibu tunggal yang memulakan perkahwinan pada umur melebihi 30 tahun. Apabila umur pada perkahwinan pertama ini dikategorikan semula, kira-kira separuh responden didapati memulakan perkahwinan pada umur 19 tahun dan kurang (Jadual 3).

Jadual 3: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Umur pada Perkahwinan Pertama

Umur Perkahwinan Pertama	Jumlah	Peratus
19 dan kurang	221	49.6
20 – 26	202	45.3
27 – 33	19	4.3
34 dan lebih	4	0.9
<b>Jumlah</b>	<b>446</b>	<b>100.0</b>

Jumlah yang lebih kurang sama juga didapati daripada kumpulan umur 20 – 26 tahun. Ini bererti lebih 90 peratus daripada responden telah memulakan perkahwinan pada umur 26 tahun dan ke bawah. Hanya lebih kurang lima peratus sahaja daripada mereka yang berkahwin pada umur 27 tahun dan ke atas. Keadaan ini menunjukkan ibu tunggal di kawasan kajian, walaupun ramai yang mula berkahwin pada usia lewat, tetapi ramai juga yang telah memulakan perkahwinan pada umur yang dianggap masih muda dari segi demografi atau sesuai dengan umur perkahwinan wanita di kebanyakan negara membangun.

Hasil kajian ini didapati tidak jauh berbeza dengan beberapa hasil kajian lain mengenai aspek yang sama di Malaysia. Wan Ibrahim Wan Ahmad (1990), umpamanya yang mengkaji umur pada perkahwinan pertama ini di Kuala Balah, Kelantan telah menunjukkan hasil yang serupa. Hasil analisisnya mengenai pola umur perkahwinan wanita Melayu luar bandar pada tahun akhir 1980-an, didapati sebanyak 71.7 peratus daripada wanita yang menjadi responden kepada kajianya telah memulakan perkahwinan pertama pada umur 19 tahun dan kurang. Wan Ibrahim dalam kajian tersebut telah mengkategorikan perkahwinan pada umur 19 tahun dan kurang sebagai perkahwinan awal. Jenis perkahwinan ini adalah banyak terjadi di kalangan penduduk Melayu di kawasan luar bandar pada era selepas merdeka dan sejurus selepas merdeka. Pada tahun-tahun 1970-an perkawinan pada umur ini masih banyak dijumpai, baik di luar bandar ataupun di bandar sendiri. Jika diteliti lebih mendalam umur kebanyakan ibu tunggal yang menjadi responden kajian ini, sekitar 265 orang (55.1%) adalah mereka yang berumur 45 tahun dan ke atas. Oleh yang demikian, kemungkinan besar mereka yang berkahwin pada umur muda ini adalah terdiri daripada kategori responden ini (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2006).

#### JUMLAH ANAK YANG DIMILIKI

Jumlah anak yang dimiliki yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah jumlah anak yang dimiliki ibu tunggal sebelum mereka menjadi ibu tunggal, tanpa mengira sama ada anak tersebut berada dalam jagaannya ataupun tidak. Ibu tunggal ini mungkin sudah beberapa kali menjadi ibu tunggal dan setiap kali mereka menjadi ibu tunggal, mereka berkemungkinan memiliki jumlah anak yang berbeza dengan jumlah anak yang mereka miliki hasil perkahwinan sebelumnya. Kekerapan menjadi ibu tunggal tidak menjadi

persoalan, tetapi yang menjadi persoalan ialah jumlah anak yang mereka miliki sebelum menjadi ibu tunggal. Jumlah anak yang dimiliki oleh ibu tunggal yang menjadi responden kajian ini adalah tidak ramai. Berdasarkan data banci Jabatan Perangkaan dan kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN, t.th.) didapati purata saiz isi rumah bagi penduduk luar bandar pada tahun 1980 ialah 5.2 orang. Kini purata ini semakin menurun. Walaupun purata saiz isirumah adalah tidak sama dengan purata jumlah anak, tetapi data ini juga sedikit sebanyak boleh menggambarkan bahawa purata anak yang dimiliki oleh keluarga luar bandar adalah agak ramai, sedangkan melalui kajian ini didapati jumlah yang terbanyak daripada ibu tunggal adalah memiliki anak seramai empat orang.

Ada sebilangan kecil ibu tunggal yang tidak memiliki anak. Mereka yang memiliki anak seramai satu orang juga tidak ramai. Jumlah teramai responden adalah memiliki anak seramai empat orang. Responden yang memiliki anak lima orang juga ramai iaitu selepas jumlah yang memiliki anak empat orang. Jumlah anak yang juga ramai dimiliki oleh responden ialah enam, tujuh dan lapan orang (Jadual 4).

Jadual 4: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Jumlah Anak yang Dimiliki

Jumlah Anak yang Dimiliki	Jumlah	Peratus
3 dan kurang	113	22.7
4 – 6	199	40.0
7 – 9	134	27.0
10 dan lebih	51	10.3
Jumlah	497	100.0

Walaupun ada yang memiliki anak melebihi 10 orang, dan bahkan mencapai 13 orang, tetapi jumlah ini tidak ramai. Apabila data ini dikategorikan semula, didapati lebih daripada 60 peratus daripada ibu tunggal adalah memiliki anak seramai enam orang dan kurang. Terdapat 40 peratus daripada ibu tunggal adalah memiliki anak di antara 4 – 6 orang. Jumlah yang agak ramai juga ialah mereka yang memiliki anak seramai 7 – 9 orang (27%). Ibu tunggal yang memiliki anak melebihi 10 orang adalah tidak ramai.

### JUMLAHANAK IDEAL

Jumlah anak ideal merupakan jumlah anak yang dianggap oleh ibu tunggal sebagai jumlah yang paling baik dimiliki oleh mereka atau rakan-rakan mereka. Jumlah anak yang dianggap ideal ini tidak semestinya melambangkan jumlah anak yang mereka inginkan dalam hidup mereka dan tidak juga melambangkan jumlah anak yang mereka miliki. Ibu tunggal berkemungkinan menginginkan jumlah anak yang lebih ramai daripada jumlah ini, atau memiliki anak yang lebih ramai dan berkemungkinan juga mereka menginginkan anak yang lebih sedikit, atau terpaksa berpuas hati dengan jumlah anak yang lebih sedikit.

Jumlah anak yang dianggap ideal ini adalah berbeza-beza dalam kalangan ibu tunggal, di antara sekurang-kurangnya seramai dua orang sehingga kepadanya yang paling ramai sepuluh orang. Jumlah anak ideal yang menjadi mod kepada ibu tunggal di kawasan kajian ialah lima orang (31.3%), dengan purata 5.9 dan jumlah penengah (median) ialah lima orang. Sebilangan yang agak besar juga responden yang berpendapat jumlah anak yang dianggap ideal bagi mereka ialah enam orang (21%). Walaupun ada di antara ibu tunggal yang berpendapat jumlah anak ideal ialah dua, tiga, dan malah empat orang, ataupun melebihi lapan orang, tetapi jumlahnya adalah tidak besar (Jadual 5).

Jadual 5: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Jumlah Anak Ideal

Jumlah Anak Ideal	Jumlah	Peratus
2 – 3	17	3.9
4 – 5	203	46.8
6 – 7	141	32.5
8 – 10	73	16.8
Jumlah	434	100.0

Jadual 5 memaparkan taburan dan peratusan ibu tunggal mengikut jumlah anak yang dianggap ideal yang telah dikategorikan semula berdasarkan data mentah. Secara umumnya kebanyakannya ibu tunggal berpendapat jumlah anak yang dianggap ideal ialah di antara empat atau lima orang sahaja (46.8%). Taburan ibu tunggal yang berpendapat jumlah anak ideal di antara enam

atau tujuh orang adalah lebih rendah sedikit, iaitu 32.5 peratus. Jumlah lain tidak ramai.

#### JUMLAH ANAK RAMAI

Selain jumlah anak yang dianggap ideal, jumlah anak yang dianggap ramai juga ada ditanyakan kepada ibu tunggal. Jumlah anak yang dianggap ramai melambangkan jumlah anak yang difikirkan berlebihan yang dimiliki oleh seseorang atau sesebuah keluarga. Ibu tunggal mungkin memiliki jumlah anak seperti ini dalam keluarganya, dan berkemungkinan juga memiliki anak yang tidak seramai jumlah ini. Ada ibu tunggal yang berhasrat untuk memiliki jumlah anak seperti ini walaupun mereka sedar bahawa jumlah seperti itu adalah termasuk jumlah anak yang ramai. Oleh itu jumlah anak yang dianggap ramai ini tidak semestinya membawa maksud negatif kepada seseorang wanita.

Ibu tunggal mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai jumlah anak yang dianggap ramai dalam sesebuah keluarga. Ia berbeza-beza daripada lima sehingga kepada 12 orang dengan puratanya 10.5 orang dan jumlah penengahnya ialah 11 orang. Terdapat sejumlah 31 peratus ibu tunggal menganggap anak yang ramai dalam keluarga ialah 10 orang. Satu hal yang agak menarik bagi kebanyakan ibu tunggal di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang ini ialah, mereka hampir sepakat jumlah anak yang ramai dalam sesebuah keluarga ialah 12 orang.

Berdasarkan mod jumlah anak ramai yang diperolehi dalam kajian ini ialah 12 maka dikatakan kebanyakan mereka berpendapat jumlah anak yang dianggap ramai dalam keluarga ialah 12 orang. Ini bermakna, jika sesebuah keluarga memiliki anak seramai sembilan orang, sepuluh, atau malah, seramai sebelas orangpun, anak dalam keluarga itu masih lagi belum dianggap ramai.

#### TAHAP PENDIDIKAN

Tahap pendidikan bagi kebanyakan penduduk adalah semakin meningkat selaras dengan semakin meningkatnya tahap pembangunan negara. Kajian ini mendapati sebahagian besar (55.1 peratus) ibu tunggal yang menjadi responden adalah tidak bersekolah dan mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja (Jadual 6).

Jadual 6: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal  
Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Jumlah	Peratus
Tidak Bersekolah	87	17.5
Sekolah Rendah	187	37.6
Sijil Rendah Pelajaran	97	19.5
Sijil Pelajaran Malaysia	98	19.7
Sijil Tinggi Persekutuan	17	3.4
Diploma/Sijil	4	0.8
Universiti	7	1.4
<b>Jumlah</b>	<b>497</b>	<b>100.0</b>

Jika dirujuk kembali Jadual 1 yang memaparkan taburan umur ibu tunggal, didapati sebanyak 55.1 peratus daripada mereka adalah berumur di antara 45 tahun dan ke atas. Ini bermakna ibu tunggal yang hanya mendapat pendidikan rendah dan tidak sekolah ini terdiri daripada mereka yang berumur 45 tahun dan ke atas, iaitu generasi tahun 1950-an dan sebelumnya. Tahap pendidikan generasi ini adalah agak rendah. Ibu tunggal yang berpendidikan setakat Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia juga tidak ramai, iaitu 19.5 peratus dan 19.7 peratus. Jumlah ini adalah masih kecil. Oleh itu pendidikan ibu tunggal di kawasan kajian ini dapat dikatakan berada pada tahap rendah.

#### BIDANG PEKERJAAN

Bidang pekerjaan berkaitan dengan tahap pendidikan. Orang yang berpendidikan lebih tinggi berpeluang memperoleh pekerjaan yang status sosialnya adalah lebih baik, dan seterusnya dengan pekerjaan yang lebih baik akan memberikan peluang kepada orang yang berkaitan mempunyai pendapatan yang lebih terjamin (Wan Ibrahim Wan Ahmad 2006). Hasil kajian ke atas bidang pekerjaan responden, didapati kebanyakan ibu tunggal mempunyai pekerjaan yang bertaraf rendah, terutama di bidang berkaitan dengan pertanian dan pekerjaan di sektor tidak formal. Pekerjaan seperti ini dijangka mempunyai pengaruh tertentu ke atas pola pendapatan dan kualiti hidup ibu tunggal di kawasan kajian. Terdapat enam bidang pekerjaan yang dikenal pasti diceburi oleh ibu tunggal di kawasan kajian, iaitu petani, buruh, peniaga kecil, usahawan, makan gaji (swasta) dan

makan gaji (kerajaan). Ada juga sebahagian yang agak besar daripada ibu tunggal yang melaporkan tidak bekerja (Jadual 7).

Jadual 7: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Bidang Pekerjaan

Bidang Pekerjaan	Jumlah	Peratus
Petani	50	17.5
Buruh	61	37.6
Peniaga Kecil	69	19.5
Usahawan	5	19.7
Makan Gaji (swasta)	80	3.4
Makan Gaji (kerajaan)	52	0.8
Jumlah	317	100.0

#### PENDAPATAN BULANAN

Ibu tunggal di kawasan kajian adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Pendapatan purata ibu tunggal ini ialah RM447.00 sebulan. Terdapat juga di antara ibu tunggal yang berpendapatan mencapai RM5000 sebulan, tetapi pendapatan yang menjadi mod ialah RM300.00 sebulan dan pendapatan yang menjadi median juga didapati RM300.00 sebulan. Pendapatan mentah ini setelah dikategorikan semula, kebanyakannya mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan, di mana 67.6 peratus ibu tunggal melaporkan mempunyai pendapatan di antara RM529 dan ke bawah. Disebabkan kos hidup di kawasan luar bandar yang semakin meningkat, maka kebanyakannya mereka melaporkan pendapatan yang mereka ada tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup berkeluarga. Oleh yang demikian ibu tunggal ini menyatakan mereka tidak menyimpan, malah terpaksa menggunakan semua sekali pendapatan ini untuk keperluan harian. Berasaskan pendapatan garis kemiskinan di Semenanjung Malaysia yang berjumlah RM529.00, maka rata-rata ibu tunggal di Pantai Timur adalah terdiri daripada mereka yang dianggap miskin.

#### TEMPOH MENJADI IBU TUNGGAL

Tempoh menjadi ibu tunggal ialah tempoh di mana seseorang responden menjadi ibu tunggal pada masa kajian dilakukan, dikira

bermula daripada hari pertama mereka mula hidup dan memikul tanggungjawab sendiri sebagai seorang ibu tunggal, sama ada melalui perceraian atau ditinggalkan suami tanpa sebarang nafkah. Responden diminta memberikan respons kepada pertanyaan berkaitan dengan tempoh menjadi ibu tunggal ini dalam sebutan tahun, iaitu sudah berapa tahun mereka telah menjadi ibu tunggal. Ada kemungkinan responden hanya baru menjadi ibu tunggal. Jumlah yang diberikan ini akan dibulatkan kepada satu tahun kiranya jumlah bulan yang dinyatakan itu melebihi lima bulan, dan sebaliknya dikira kosong tahun jika tempoh tersebut kurang daripada lima bulan.

Dari segi tempoh responden menjadi ibu tunggal, didapati ada di antara mereka yang menjadi ibu tunggal seawal-awalnya satu tahun sehinggalah yang paling lama menjadi ibu tunggal adalah selama 43 tahun. Tempoh yang dilalui oleh ramai responden ialah tempoh di antara 1 – 10 tahun. Responden menjadi ibu tunggal dalam tempoh melebihi 10 tahun adalah tidak ramai (Jadual 8).

Jadual 8: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Tempoh Menjadi Ibu Tunggal

Tempoh Menjadi Ibu Tunggal	Jumlah	Peratus
5 dan kurang	243	52.1
6 – 10 tahun	141	30.3
11 – 15 tahun	64	13.7
16 dan ke atas	18	3.9
Jumlah	466	100.0

Analisis ke atas data mentah tempoh responden menjadi ibu tunggal menunjukkan tempoh purata responden menjadi ibu tunggal ialah selama 7.1 tahun. Tempoh penengah ibu tunggal ini menjadi ibu tunggal ialah 6.0 tahun, yang bererti bahawa daripada keseluruhan ibu tunggal yang menjadi responden, separuh daripadanya telah menjadi ibu tunggal kurang daripada enam tahun, dan separuh daripada responden lagi telah menjadi ibu tunggal dalam tempoh masa yang melebihi enam tahun. Bagaimanapun tempoh yang menjadi mod kepada ibu tunggal ini ialah satu tahun, di mana terdapat 47 responden menjadi ibu tunggal dalam tempoh masa selama setahun.

Ibu tunggal yang lain didapati telah menjadi ibu tunggal dalam tempoh masa yang berbeza-beza, dan jumlah mereka yang menjadi ibu tunggal dalam tempoh masa ini adalah lebih kecil daripada jumlah mereka yang menjadi ibu tunggal selama setahun. Setelah data mentah ini dikategorikan semula menjadi empat kategori, didapati lebih separuh responden telah menjadi ibu tunggal untuk tempoh masa selama di antara 5 tahun dan kurang (52.1%), iaitu satu tempoh masa yang boleh dikatakan masih baru. Jumlah lain yang juga agak besar ialah mereka yang menjadi ibu tunggal dalam tempoh masa di antara 6 – 10 tahun (30.3%). Tempoh menjadi ibu tunggal dalam kategori lain tidak besar yang menunjukkan tidak ramai ibu tunggal menjadi ibu tunggal untuk tempoh masa ini.

#### SEBAB MENJADI IBU TUNGGAL

Setelah dianalisis tempoh responden menjadi ibu tunggal dalam bahagian sebelum ini, maka dalam bahagian ini dianalisis pula sebab-sebab yang membawa kepada responden menjadi ibu tunggal. Terdapat tiga sebab utama yang telah membawa responden menjadi ibu tunggal di kawasan kajian, iaitu ditinggalkan suami, diceraikan suami, serta kematian suami. Selain sebab ini ada juga sebahagian responden yang tidak menyatakan sebab mereka menjadi ibu tunggal. Lebih kurang tiga suku daripada ibu tunggal ini menjadi ibu tunggal disebabkan kematian suami dan ini melibatkan sejumlah 74.2 peratus ibu tunggal. Sebab lain yang juga agak ramai menimpa responden ialah diceraikan suami, iaitu melibatkan sejumlah 18.5 peratus. Responden yang menjadi ibu tunggal disebabkan ditinggalkan suami adalah tidak ramai, iaitu sejumlah 5.1 peratus sahaja (Jadual 9).

Jadual 9: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Sebab Menjadi Ibu Tunggal

Sebab Menjadi Ibu Tunggal	Jumlah	Peratus
Ditinggalkan suami	25	5.1
Diceraikan suami	91	18.5
Kematian suami	366	74.2
Tidak dinyatakan	18	3.6
Jumlah	500	100.0

Daripada data yang telah ditunjukkan didapati sebahagian besar ibu tunggal di kawasan kajian adalah menjadi ibu tunggal disebabkan kematian suami. Kematian adalah satu hakikat yang tidak dapat dielakkan. Fenomena ibu tunggal disebabkan kematian suami berkemungkinan membawa kepada proses dan tahap adaptasi yang berbeza dengan ibu tunggal yang menjadi ibu tunggal disebabkan perceraihan. Ibu tunggal yang kematian suami ini, selepas beberapa ketika, berkemungkinan akan menjadi lebih tabah dan dapat menerajui rumah tangga mereka dengan cara yang lebih berjaya berbanding ibu tunggal yang lain. Ini kerana, berdasarkan pendapat beberapa orang ibu tunggal yang ditemui, mereka menyatakan masih menyayangi suami mereka yang sudah meninggal dan berusaha sedaya yang mungkin untuk membahagiakan anak-anak selaras dengan kehendak suami mereka. Ibu tunggal ini seboleh-bolehnya tidak ingin membiarkan roh suami mereka berkecil hati melihat keadaan rumah tangga mereka yang tidak tenteram.

#### KUALITI HIDUP DAN HARAPAN MASA DEPAN IBU TUNGGAL DI MALAYSIA

Sebahagian besar ibu tunggal menjadi ibu tunggal disebabkan kematian suami dan tahap masalah bagi kebanyakan mereka hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Jadi kehidupan mereka tidaklah terlalu bermasalah. Keadaan ini boleh juga menggambarkan tahap kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Dalam bahagian ini tahap kualiti hidup ibu tunggal dianalisis untuk mengenal pasti ibu tunggal yang mana yang mempunyai tahap kualiti hidup yang rendah dan sebaliknya.

#### TAHAP KUALITI HIDUP

Tahap kualiti hidup (*quality of life*) melambangkan suatu *standard* kepuasan yang ingin dicapai oleh seseorang atau keluarga. Ia adalah satu konsep yang berdimensi banyak dan sukar untuk dioperasionalisasikan. Ia boleh diertikan melalui pelbagai cara dan pengertian ini boleh berbeza-beza di antara seorang dengan orang yang lain. Dalam literatur mengenai kualiti hidup, konsep ini boleh dirujukkan sebagai melambangkan tahap kebahagiaan ataupun kesejahteraan seseorang (*well-being*). Dalam literatur Islam terdapat banyak perkataan yang membawa maksud yang boleh menggambarkan kualiti hidup, kebahagiaan ataupun kesejahteraan,

yang beberapa di antaranya ialah, *al-sa'adah* (kebahagiaan), *al-falah* (kemakmuran), *al-fawz* (kejayaan), *al-salamah* (keselamatan), *al-nimah* (keberkatan) atau *al-khair* (kebaikan) (Mohd. Nasir Omar 1992; Wan Ibrahim Wan Ahmad 1999).

Kualiti hidup dalam kajian ini diertikan sebagai tahap keselesaan atau kepuasan seseorang ibu tunggal tentang keadaan kehidupan mereka. Ia juga melambangkan sejauh mana seseorang ibu tunggal merasa reda dengan apa yang mereka miliki. Konsep ini dalam kajian ini diukur menggunakan skala satu item. Untuk tujuan kajian ini, tahap kualiti hidup diukur dengan cara menanyakan bagaimana tanggapan ibu tunggal mengenai keadaan kehidupan mereka secara umum. Respons kepada pertanyaan ini dipadankan dengan skala Likert lima tahap daripada amat tidak memuaskan (1) kepada amat memuaskan (5). Skor atau nilai yang dioperolehi ini menggambarkan tahap kualiti hidup mereka (Wan Ibrahim Wan Ahmad 1999). Analisis menunjukkan hanya sebahagian kecil ibu tunggal yang melaporkan kehidupan mereka adalah amat tidak memuaskan, ataupun tidak begitu memuaskan. Sebahagian besar ibu tunggal merasakan kehidupan mereka sekeluarga adalah memuaskan, malah ada sebilangan yang agak ramai yang berpendapat kehidupan mereka anak beranak adalah amat memuaskan (Jadual 10).

Jadual 10: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Tahap Kualiti Hidup

Tahap Kualiti Hidup	Jumlah	Peratus
Amat tidak memuaskan	12	2.5
Tidak begitu memuaskan	94	19.8
Tidak pasti	59	12.4
Memuaskan	270	57.0
Amat memuaskan	39	8.2
Jumlah	474	100.0

Berasaskan ramainya jumlah ibu tunggal yang melaporkan keadaan kehidupan mereka memuaskan, maka tahap kualiti hidup bagi sebahagian besar ibu tunggal di Pantai Timur adalah boleh dibanggakan. Kualiti hidup mereka tidak rendah, malah tidak juga dapat dikatakan sebagai sederhana. Banyak andaian mengatakan ibu tunggal adalah satu kategori penduduk yang *abnormal*,

*dysfunctional* atau *handicap* (Sufian Hussin & Che Zainon Omar 2002). Ini kerana keluarga ibu tunggal adalah satu bentuk keluarga yang hanya diketuai oleh ibu sahaja tanpa sokongan suami yang dianggap sebagai tonggak keluarga. Andaian sebegini adalah tidak tepat bagi ibu tunggal di sini kerana mereka berpuas hati dengan keadaan kehidupan mereka.

#### KEADAAN HIDUP SEBELUMINI

Selain ditanyakan mengenai keadaan tahap kualiti hidup semasa kajian dilakukan, ibu tunggal juga ditanya mengenai keadaan hidup mereka sebelum menjadi ibu tunggal. Jika keadaan hidup sebahagian besar keluarga ibu tunggal sebelum menjadi ibu tunggal amat bahagia ataupun bahagia dan menjadi tidak bahagia setelah menjadi ibu tunggal, maka dapat dikatakan ketidakbahagiaan mereka itu kemungkinannya adalah disebabkan oleh fakta sosial yang menimpa kehidupan mereka. Ada juga kemungkinan seseorang wanita, disebabkan keadaan persekitaran keluarga mereka yang porak puranda, menjadi lebih bahagia setelah menjadi ibu tunggal, iaitu setelah berpisah dengan suami mereka. Untuk mengenal pasti keadaan ini, pertanyaan tentang keadaan hidup ibu tunggal sebelum menjadi ibu tunggal adalah satu pertanyaan yang perlu ditanyakan. Analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua pertanyaan tersebut (Jadual 11).

Jadual 11: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Keadaan Hidup Sebelum Menjadi Ibu Tunggal

Hidup Sebelum Ibu Tunggal	Jumlah	Peratus
Amat tidak bahagia	18	3.8
Tidak bahagia	43	9.1
Tidak pasti	107	8.1
Bahagia	259	54.4
Amat bahagia	116	24.6
<b>Jumlah</b>	<b>471</b>	<b>100.0</b>

Jadual 11 ini menunjukkan lebih separuh daripada ibu tunggal berpendapat kehidupan mereka sebelum menjadi ibu tunggal adalah bahagia (54.4 peratus), satu peratusan yang menyamai peratusan dalam kategori yang sama yang berjumlah 55.1 peratus semasa

mereka menjadi ibu tunggal. Bagaimanapun peratusan ibu tunggal yang merasa amat bahagia sebelum menjadi ibu tunggal adalah agak besar berbanding semasa menjadi ibu tunggal, iaitu 24.6 peratus berbanding 8.3 peratus. Daripada analisis ini didapati keadaan hidup kebanyakan ibu tunggal sebelum dan selepas menjadi ibu tunggal adalah tidak jauh berbeza.

#### KEADAAN HIDUP SEKARANG

Ibu tunggal ini juga ditanyakan mengenai keadaan hidup sekarang, iaitu keadaan hidup semasa kajian dilakukan. Pertanyaan ini ditanyakan untuk tujuan mengenal pasti persepsi ibu tunggal tentang kehidupan kekeluargaan mereka. Walaupun pertanyaan mengenai keadaan hidup sekarang boleh dianggap sebagai mewakili tahap kualiti hidup yang dibincangkan sebelum ini, namun tujuan pertanyaan ini adalah untuk mendapatkan gambaran responden secara langsung berkaitan dengan kebahagiaan mereka, sama ada bahagia ataupun sebaliknya, atau jika bahagia, apakah ada perbezaan dengan tahap kebahagiaan sebelum menjadi ibu tunggal. Satu jawapan yang menarik dapat diperhatikan melalui Jadual 10 ialah, hanya sebahagian kecil responden berpendapat kehidupan mereka sekeluarga adalah amat tidak bahagia, ataupun tidak bahagia. Peratusan ibu tunggal yang merasakan kehidupan mereka sekarang adalah amat tidak bahagia hanya berjumlah 1.7 peratus sahaja. Ibu tunggal yang merasakan kehidupan mereka tidak bahagia pula agak ramai sedikit, iaitu 12.1 peratus. Lebih separuh yang berpendapat kehidupan mereka sekeluarga adalah bahagia, ataupun amat bahagia (63.4%) (Jadual 12). Ini bermakna kumpulan ini tiada masalah dalam menjalani kehidupan.

Jadual 12: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal  
Mengikut Keadaan Hidup Sekarang

Keadaan Hidup Sekarang	Jumlah	Peratus
Amat tidak bahagia	8	1.7
Tidak bahagia	57	12.1
Tidak pasti	107	22.8
Bahagia	259	55.1
Amat bahagia	39	8.3
<b>Jumlah</b>	<b>470</b>	<b>100.0</b>

### KEADAAN HIDUP AKAN DATANG

Keadaan hidup akan datang bermaksud keadaan hidup beberapa tahun akan datang, khususnya yang dijangkakan oleh ibu tunggal di masa depan. Pertanyaan sebegini sedikit sebanyak menggambarkan tahap perancangan masa depan ibu tunggal berkaitan dengan kemajuan atau *survival* kehidupan keluarga mereka di masa depan. Ada keluarga yang bekerja dengan menganggap pekerjaan mereka hanya sebagai rutin hidup yang hanya bertujuan untuk mencari sesuap nasi. Mereka hanya asal kerja, dan memadai dengan asal dapat cari duit belanja harian, tanpa memikirkan perkembangan kerjaya mereka di masa depan. Bagi keluarga begini, jika kehidupan mereka sukar pada hari ini, mereka juga dijangka akan mengalami nasib yang serupa sepuluh tahun yang akan datang.

Ada keluarga yang kehidupan semasa agak sukar, tetapi disebabkan mempunyai perancangan untuk memajukan keluarga, serta yakin perancangan tersebut berjaya, akan merasa yakin mereka akan mempunyai tahap kehidupan yang lebih baik di masa depan. Jika ibu tunggal tidak mempunyai program atau perancangan masa depan, atau hanya meneruskan kehidupan hanya sebagai rutin hidup, mereka berkemungkinan tidak dapat memberikan respons yang positif tentang kehidupan masa depan mereka sekeluarga.

Berdasarkan analisis yang dibuat ke atas data mengenai keadaan hidup akan datang, didapati kira-kira separuh ibu tunggal berpendapat kehidupan mereka akan lebih baik daripada kehidupan masa ini, iaitu 54.2 peratus. Sebahagian yang agak besar juga daripada keseluruhan ibu tunggal yang menjadi responden kajian berpendapat kehidupan mereka anak-beranak di masa depan berada pada tahap lebih kurang sama dengan apa yang mereka alami sekarang ini. Mereka menjangkakan tidak ada perubahan besar dalam kehidupan berkeluarga berbanding sekarang (28.7%). Selain itu ada juga yang merasakan kehidupan mereka sekarang jauh lebih baik (1.3%), termasuk sekarang lebih baik, iaitu 6.6 peratus (Jadual 13). Kategori ini kemungkinannya terdiri daripada kategori yang bermasalah, terutama kewangan dan melihat masalah kewangan keluarga di masa depan akan menjadi lebih buruk.

Ada juga ibu tunggal yang merasa yakin kehidupan mereka di masa depan bukan hany setakat lebih baik, tetapi jauh lebih baik, iaitu berjumlah 9.2%. Kategori ibu tunggal ini bolehlah dianggap ibu tunggal yang dalam kehidupan semasa, tidak menghadapi banyak masalah. Fenomena atau musibah ibu tunggal yang

menimpa tidak dianggap sebagai satu malapetaka yang boleh meruntuhkan kebahagiaan hidup. Ibu tunggal seperti ini berkemungkinan juga merasa lebih seronok menjadi ibu tunggal berbanding kehidupan sebelum menjadi ibu tunggal.

Jadual 13: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Keadaan Hidup Akan Datang

Hidup Akan Datang	Jumlah	Peratus
Sekarang jauh lebih baik	6	1.3
Sekarang lebih baik	30	6.6
Lebih kurang sama	131	28.7
Akan datang lebih baik	247	54.2
Akan datang jauh lebih baik	42	9.2
<b>Jumlah</b>	<b>456</b>	<b>100.0</b>

#### KEADAAN HIDUP BERBANDING JIRAN TETANGGA

Keadaan hidup berbanding jiran tetangga adalah satu lagi petunjuk yang boleh menentukan tahap kualiti hidup ibu tunggal. Apabila membandingkan keadaan hidup kita dengan orang lain, kita boleh menentukan di mana tahap kualiti hidup kita dalam persekitaran kita. Keadaan hidup berbanding orang lain juga merupakan satu konsep yang dapat mengukur kekurangan relatif (*relative deprivation*) sesebuah keluarga. Sebahagian besar ibu tunggal beranggapan kehidupan mereka sekeluarga lebih kurang sama dengan keluarga lain dalam persekitaran mereka (Jadual 14).

Terdapat 57.3 peratus ibu tunggal yang berpendapat kehidupan mereka adalah lebih kurang sama dengan jiran tetangga mereka. Besarnya peratusan ibu tunggal yang berpendapat kehidupan mereka adalah lebih kurang sama dengan jiran tetangga boleh menunjukkan bahawa kategori ibu tunggal ini berada dalam satu kelas sosial yang sama dengan jiran tetangga mereka. Jika sebahagian besar jiran tetangga mereka adalah berada dalam kelas sosial yang lain, khususnya kelas sosial yang lebih tinggi, maka respons yang diperolehi adalah akan berbeza. Ibu tunggal akan memberikan respons bahawa sebahagian besar daripada jiran tetangga mempunyai kehidupan yang lebih baik. Jumlah ibu tunggal yang beranggapan seperti ini adalah tidak begitu ramai, iaitu berjumlah 27.1 peratus.

Jadual 14: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Keadaan Hidup Berbanding Jiran Tetangga

Keadaan Hidup Berbanding dengan Jiran Tetangga	Jumlah	Peratus
Jiran jauh lebih baik	40	8.7
Jiran lebih baik	125	27.1
Lebih kurang sama	264	57.3
Responden lebih baik	27	5.9
Responden jauh lebih baik	5	1.1
<b>Jumlah</b>	<b>471</b>	<b>100.0</b>

#### HARAPAN DAN STRATEGI MASA DEPAN

Selain ditanyakan keadaan hidup semasa, sebelum menjadi ibu tunggal, serta berbanding dengan jiran tetangga, ibu tunggal juga ditanyakan harapan masa depan mereka. Harapan masa depan ini adalah berkaitan dengan andaian jika mereka sudah tidak lagi mempunyai kemampuan dari segi fizikal, sama ada disebabkan penyakit atau musibah lain, ataupun jika mereka sudah mencapai umur tua yang sudah tidak lagi mampu melakukan sebarang kerja. Jawapan ibu tunggal dalam hal ini adalah berbeza-beza, di mana ada yang hanya berserah kepada nasib, anak-anak, sehingga kepada menggunakan pendapatan sendiri, terutama daripada penceن yang bakal ataupun yang mereka terima (Jadual 15). Sebahagian besar ibu tunggal dijangka bergantung harap kepada anak-anak sebagai tempat bergantung di masa depan. Keadaan ini adalah benar dalam konteks 68.5 peratus daripada keseluruhan responden penyelidikan ini. Ada juga sebahagian yang agak menonjol yang menyerahkan kepada nasib untuk menentukan siapa yang dapat membantu mereka di masa depan.

Besarnya peratusan ibu tunggal yang bergantung harap kepada anak adalah selari dengan harapan yang diberikan oleh ibu bapa lain ke atas anak-anak di kebanyakan negara membangun termasuk Malaysia. Ibu bapa negara membangun mengharapkan anak untuk membantu apabila mereka sudah mencapai umur tua dan sudah tidak mampu melakukan sebarang kerja. Disebabkan harapan sebegini maka nilai anak di kebanyakan negara membangun adalah tinggi yang menjadikan keluarga di negara ini memiliki anak yang

ramai. Keadaan yang sama juga terjadi di kawasan kajian. Sebahagian besar ibu tunggal memiliki jumlah anak antara 4 – 6 orang. Ada sebahagian yang agak ramai juga yang memiliki anak melebihi 10 orang. Keadaan ini menunjukkan mereka meletakkan nilai yang tinggi kepada anak dan mengharapkan anak yang ramai dalam keluarga kerana anak bagi mereka harta yang pada suatu masa nanti dapat digunakan untuk membantu kehidupan.

Jadual 15: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Harapan Masa Depan

Harapan Masa Depan	Jumlah	Peratus
Pendapatan sendiri (pencen)	61	12.9
Harta simpanan	18	3.6
Saudara mara	20	4.2
Berserah pada nasib	50	10.6
Anak-anak	324	68.5
Jumlah	473	100.0

Strategi dalam konteks kajian ini bermaksud perancangan yang diambil oleh ibu tunggal untuk memperbaiki kehidupan mereka di masa yang akan datang. Tujuan strategi ini ialah untuk membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih selesa. Jika ada sebahagian ibu tunggal yang berpendapat kehidupan mereka semasa kajian dilakukan adalah agak tidak memuaskan, dengan pertanyaan ini akan dapat diperolehi perancangan mereka memperbaiki keadaan agar menjadi lebih baik (Jadual 16).

Jadual 16: Taburan Jumlah dan Peratusan Ibu Tunggal Mengikut Jenis Strategi Masa Depan

Strategi Masa Depan	Jumlah	Peratus
Menyimpan/Menabung	104	26.3
Mengumpul harta	6	1.5
Memperbaiki pendidikan anak	150	37.9
Berserah pada nasib	44	11.1
Berjimat cermat	92	23.2
Jumlah	473	100.0

Ibu tunggal diberikan soalan tertutup dengan lima pilihan yang menggambarkan startegi yang mereka ambil untuk memperbaiki kehidupan di masa depan, iaitu 1) menabung, 2) mengumpulkan harta, 3) memperbaiki pendidikan anak-anak, 4) berserah pada nasib, dan 5) berjimat cermat. Jawapan yang diperolehi didapati sebahagian besar mereka meletakkan anak, iaitu memperbaiki pendidikan anak sebagai strategi utama memperbaiki masa depan (37.9%). Menabung dan berjimat juga merupakan strategi sebahagian besar ibu tunggal yang menjadi responden. Walaupun kebanyakan ibu tunggal ini tidak mempunyai pendidikan yang tinggi namun kesedaran adalah merata di kalangan mereka bahawa pendidikan anak adalah penting. Mereka merasakan pendidikan anak-anak bukan sahaja penting kepada diri anak-anak mereka, akan tetapi penting juga kepada masa depan ibu tunggal itu sendiri sebagai ibu. Mereka berharap jika anak-anak mereka berjaya maka mereka juga turut merafa berjaya itu.

Ramai ibu tunggal yang menyedari kekurangan dan kesusahan yang mereka hadapi akibat tidak mempunyai pendidikan. Mereka membandingkan kawan-kawan sebaya mereka semasa di sekolah dahulu yang mempunyai kelulusan dan pendidikan yang baik: kini semua mereka mempunyai kedudukan yang jauh lebih baik. Akan tetapi mereka juga melihat ramai anak-anak yang berjaya dalam pelajaran selalunya tidak tinggal di kampung, malah anak-anak ini selalunya tinggal jauh di bandar. Anak-anak ini agak sukar juga untuk diharapkan kerana berada jauh dengan ibu bapa berbanding ramai anak-anak yang tidak mempunyai pendidikan yang baik semuanya tinggal di kampung. Jika ada apa-apa kesusahan, ibu tunggal boleh terus bergantung harap kepada anak-anak seperti ini. Oleh itu sebagai satu strategi, mereka tidak hanya berusaha memperbaiki pendidikan anak-anak semata-mata, akan tetapi mereka juga berusaha dengan cara lain, seperti menabung dan berjimat cermat. Ibu tunggal ini percaya jika mereka ada mempunyai harta dan simpanan, mereka tidak perlu lagi menyusahkan anak-anak, malah mereka juga tidak perlu lagi menyusahkan kawan-kawan dan jiran tetangga mereka seperti yang berlaku kini.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya makalah ini membincangkan persoalan fenomena ibu tunggal di Pantai Timur khususnya berkaitan dengan tempoh menjadi ibu tunggal, sebab menjadi ibu tunggal, tahap masalah harian mereka, jenis masalah yang dihadapi, serta kualiti hidup mereka. Melalui analisis yang telah dibuat, didapati sebahagian besar responden belum lama menjadi ibu tunggal. Makalah ini juga mendapatkan kebanyakan responden menjadi ibu tunggal adalah disebabkan oleh kematian suami.

Dari segi masalah harian, kebanyakan ibu tunggal di Pantai Timur menghadapi masalah dari segi perbelanjaan harian keluarga. Kebanyakan mereka berpendapatan rendah dan berada di bawah garis kemiskinan iaitu RM300 sebulan. Oleh kerana kos hidup semakin meningkat, pendapatan yang mereka ada tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup berkeluarga. Mereka terpaksa menggunakan semua sekali pendapatan untuk keperluan harian. Terdapat juga sebahagian besar daripada mereka yang menghadapi masalah dari segi penjagaan anak, termasuk masalah dari segi disiplin anak-anak. Sebagai jalan keluar kepada masalah ini, mereka menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi masalah harian ini, dan strategi ini termasuklah berserah pada nasib, menggunakan usaha sendiri, mendapatkan khidmat orang tengah serta menggunakan institusi formal.

Dari segi kualiti hidup, walaupun pendapatan mereka rendah, dapat disimpulkan kualiti hidup ibu tunggal di Pantai Timur adalah memuaskan. Akan tetapi kebanyakan mereka adalah tergolong dalam kalangan orang miskin yang perlu diberi bantuan oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan juga organisasi bukan kerajaan. Bantuan yang disalurkan tersebut haruslah bersifat bantuan jangka masa pendek dan bantuan jangka masa panjang. Bantuan jangka masa pendek yang dimaksudkan ialah dengan memberi elaun bantuan golongan miskin dan pekerjaan. Manakala bantuan jangka masa panjang pula ialah dengan memberikan pengetahuan dan latihan kemahiran agar mereka dapat meningkatkan kemampuan berdikari.

## RUJUKAN

- Asmah Ahmad. 1979. Pola perkahwinan pertama orang-orang Melayu di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Tahun 70-an: Satu analisis awal. *Ilmu Alam*: 8.

- Bahagian Informasi Islam. 1998. Fail rekod perceraian seluruh negeri (1980 – 1993). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Dominian, Jack. 1981. *Marriage, faith and love*. London: Longman & Todd Ltd.
- Jones, Gavin W. 1994. *Marriage and divorce in Islamic South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd. Nasir Omar. 1992. A study of how to attain happiness as reflected in the works on tahdhib al-akhlaq by Yahya ibn Adi (d.974) and Miskawayh (d1034). Disertasi Ph.D: University of Nottingham, England.
- Neuman, W. Lawrence. 1997. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Needham: Allyn & Bacon.
- Nor Laily Abu Bakar et al. 1980. *The Malaysian family planning programme: Some facts and figures*. Kuala Lumpur: National Family Planning Board.
- Palmore, J.A. & Marzuki, A. 1969. Marriage patterns and cummulative Fertility in West Malaysia 1950-1962. *Demography*, Vol. 6 (4).
- Saw Swee Hock. 1988. *The population of Peninsular Malaysia*. Singapore: Singapore University Press.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. 1990. Perilaku kesuburan penduduk desa: Satu kajian di Daerah Kuala Balah, Jeli, Kelantan. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. 1999. Hubungan sosial, sokongan dan kesejahteraan warga Tua: Satu kajian di pedesaan Kelantan. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2006. Fenomena ibu tunggal dan masa depan warga tua di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 9 (Jun): 60-74.
- Zainab Ismail. 2001. Proses kaunseling Islam di kalangan pasangan bermasalah: Satu kajian kes di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia, Minden.
- Zawanah Muhammad. 1998. Perkhidmatan kaunseling perkahwinan di Jabatan-Jabatan Agama Islam. Tesis Sarjana. Jabatan Syariah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Prof. Madya Dr Wan Ibrahim Wan Ahmad  
 Kolej Sastera dan Sains  
 Universiti Utara Malaysia  
 06010 Sintok, Kedah Darul Aman  
 wiwa@uum.edu.my

Prof. Madya Dr Zainab Ismail  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor  
 zainab@ukm.my